



KERATAN AKHBAR

| | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|-----|
| SURAT KHABAR | : | BERITA HARIAN | | |
| TARIKH | : | 24/12/2019 | MUKA SURAT | : 4 |
| JABATAN | : | SPAN | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | |

Gangguan air berulang

PDRM sedia bantu penguat kuasa kekang aktiviti haram

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersedia membantu agensi penguatkuasaan berkaitan berhubung kejadian pembuangan sisa industri secara haram sehingga menyebabkan operasi Loji Rawatan Air (LRA) di Sungai Serenyih dan Bukit Tampoi ter-

paksa dihentikan. Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, berkata PDRM sentiasa optimis dan bersikap terbuka dalam menjalankan kerjasama dengan semua pihak termasuk penduduk setempat yang mempunyai maklumat berhubung pen-

maran berkenaan. "Kami bersedia membantu dalam apa juga keadaan termasuk menerima maklumat daripada penduduk kawasan perumahan berhampiran yang melihat sisa industri yang dibuang secara haram di kawasan mereka.

"Apabila berada dalam situasi berkenaan segeralah menghubungi pihak berkuasa secepat mungkin dan kami akan menjalankan siasatan susulan," katanya sambil menambah pihak berkaitan juga perlu memikirkan cara terbaik untuk menghentikan pencerobohan.



PDRM sentiasa bersikap terbuka dalam menjalankan kerjasama dengan semua pihak termasuk penduduk setempat.

Abdul Hamid Bador,
Ketua Polis Negara